

*"Achieving consensus on the science of food regulations and legislation to ensure the global availability of safe and wholesome food products for all consumers"*

**KONTAK MEDIA: Bahagian Komunikasi GHI  
communications@globalharmonization.net**

## **UNTUK EDARAN SEGERA**

# **TIADA ALASAN UNTUK TIDAK MELAPORKAN INSIDEN KESELAMATAN MAKANAN YANG SERIUS WALAU DI MANA SAHAJA IA BERLAKU**

*Laman Sesawang Pemberi Maklumat bagi Pelaporan Insiden Keselamatan Makanan yang tersedia dalam beberapa bahasa akan membantu sesiapa sahaja yang bekerja dalam mana-mana industri makanan dan minuman di dunia untuk melaporkan insiden keselamatan makanan yang serius tanpa risiko identitinya akan terdedah.*

**(Vienna, Austria) Disember 1, 2021 – Inisiatif Harmonisasi Global (GHI)** dengan sukacitanya mengumumkan pelancaran **Laman Pemberi Maklumat bagi Pelaporan Insiden Keselamatan Makanan** yang boleh didapati dalam lebih daripada 30 bahasa. Laman tersebut boleh diakses oleh sesiapa sahaja yang bekerja di dalam industri makanan dan minuman di mana-mana negara melalui pautan berikut: <https://whistle.globalharmonization.net>.

Sehingga kini, belum pernah ada sistem pelaporan global bagi isu-isu keselamatan makanan secara anonim. Bagi menghalang pengeluaran makanan yang tidak bertanggungjawab, Inisiatif Harmonisasi Global (GHI) buat ulung kalinya telah melancarkan laman Pemberi Maklumat bagi Pelaporan Insiden Keselamatan Makanan pada Ogos tahun ini. Pada mulanya dilancarkan dalam Bahasa Inggeris, kini, laman tersebut telah tersedia dalam lebih 30 bahasa.

Tiada lagi alasan untuk tidak melaporkan isu keselamatan makanan serius yang boleh membahayakan pengguna, menyebabkan jatuh sakit atau kematian. Oleh itu, kami menggalakkan individu yang bekerja di dalam industri makanan dan minuman, walau di mana sahaja, untuk melaporkan kebimbangan mereka terhadap keselamatan produk yang dihasilkan.

***Adakah anda akan membiarkan keluarga anda memakan produk yang anda hasilkan di tempat kerja?*** Jika tidak, mengapakah demikian? Adakah kerana ia boleh menimbulkan risiko kesihatan kepada orang yang memakannya? Jika ya, maka anda kini mempunyai cara untuk melaporkan perkara ini secara anonim.

Laman pelaporan tersebut boleh diakses melalui pelbagai jenis bahasa dan boleh didapati di: <https://whistle.globalharmonization.net/>. Sesiapa sahaja yang memilih untuk melaporkan insiden berkaitan isu keselamatan makanan, boleh meyakini bahawa laporan mereka adalah rahsia – malahan, GHI juga tidak mengetahui identiti individu yang memberikan maklumat. Ini adalah bagi melindungi identiti pemberi maklumat.

Turut dijelaskan dalam ruangan Soalan Lazim di laman tersebut mengenai beberapa peraturan mudah yang harus dipatuhi oleh anda sebagai pemberi maklumat atau pelapor (Lihat <https://whistle.globalharmonization.net/faq>). Ini bagi memastikan anda tidak dapat dikesan oleh pembekal perkhidmatan Internet. Contohnya, anda seharusnya tidak menggunakan peranti atau rangkaian syarikat untuk mengisi borang, sebaliknya melayari laman kami secara peribadi dengan mod inkognito dan tidak memberikan apa-apa maklumat yang boleh digunakan untuk mengenalpasti identiti anda. Dengan cara ini anda boleh berasa selamat dan mengetahui bahawa identiti anda adalah dilindungi.

Now available in over 30 languages for food industry workers wherever they are <https://whistle.globalharmonization.net>

هل تسمح لأسرتك أن تأكل من الطعام الذي تصنعه في العمل؟

¿Permitiría Ud. que su familia consuma el alimento que Ud. produce en su trabajo?

Bạn có cho gia đình mình ăn những thực phẩm bạn làm tại nơi làm việc không?

您会让您的家人食用在您的公司中制作的食物吗?

Would you let your family eat the food you make at work?

Կրո՞ւյաւորե՞ք ձեր ընտանիքի անդամներին պատրաստել եւ աշխատակայրում

Позволите ли вы своей семье потреблять продукцию, которую производит Ваше предприятие?

Global Harmonization Initiative

GHI Whistleblower Food Safety Incident Report Site

هل تسمح لأسرتك أن تأكل من الطعام الذي تصنعه في العمل؟	Would you let your family eat the food you make at work?	Bạn có cho gia đình mình ăn những thực phẩm bạn làm tại nơi làm việc không?	あなたの家族にあなたが職場（食品工場）で作った食品を食べさせますか？
¿Permitiría Ud. que su familia consuma el alimento que Ud. produce en su trabajo?	您会让您的家人食用在您的公司中制作的食物吗?	Позволите ли вы своей семье потреблять продукцию, которую производит Ваше предприятие?	මබවයින ධනියා ජීවනමේදී පිළියෙල කරන ආහාර මෙහි පවුලේ සාමාජිකයන්ට පරිභෝජනය කිරීමට දීමට තරම් එහි ප්‍රමිතිය මබව විශ්වාසදායකද?

Global Harmonization Initiative

GHI Whistleblower Food Safety Incident Report Site

Would you let your family eat the food you make at work?

**Facebook:** GHI4FoodSafety **Twitter:** @GHI4FoodSafety **LinkedIn:** global-harmonization-initiative

###